



**SIARAN MEDIA**

**LTAT BERJAYA MUKTAMADKAN PENGAMBILALIHAN STRATEGIK**

**BOUSTEAD HOLDINGS BERHAD**

**Pegangan Saham Berjumlah 97.63% Dicapai**

**KUALA LUMPUR, 12 JUN 2023** – Lembaga Tabung Angkatan Tentera (“LTAT”) dengan sukacitanya mengumumkan kejayaan pengambilalihan Boustead Holdings Berhad (“BHB” atau Kumpulan) pada tarikh tutup tawaran pada hari ini.

Pegangan saham LTAT dalam BHB kini berjumlah kira-kira 97.63% yang membenarkan BHB untuk dinyahsenaraikan dan menggunakan peruntukan Pengambilalihan Wajib bagi baki saham, lantas menjadikannya anak syarikat milik penuh LTAT. Selaras dengan ini, BHB akan mengambil langkah-langkah yang diperlukan untuk mengemukakan permohonan kepada Bursa Securities bagi mengeluarkan status penyenaiaannya daripada Senarai Rasmi Bursa Securities, selaras dengan perenggan 16.07 Keperluan Penyenaiaan.

Ketua Eksekutif, Dato’ Nazim Rahman berkata, “Penswastan BHB menandakan titik permulaan baharu dan melambangkan detik bersejarah bagi LTAT. Tindakan korporat ini merupakan batu asas kepada perjalanan transformasi LTAT yang amat penting untuk kejayaan pelan pengimbangan semula portfolio yang ditunjangi oleh Rangka Kerja Perumpukan Strategik (SAA). Dengan kejayaan ini, kami percaya bahawa nilai komersil BHB akan dibuka, dan menyerlahkan potensi sepenuhnya bagi meningkatkan Aset Di Bawah Pengurusan kami, yang akhirnya memberikan pulangan yang mampan kepada pencarum kami iaitu anggota Angkatan Tentera.

“Tindakan kami seterusnya adalah untuk meningkatkan usaha penciptaan nilai dengan melaksanakan strategi penjajaran yang lebih baik di antara LTAT dengan semua peringkat di dalam Kumpulan. Model milikan penuh tersebut membolehkan LTAT menggunakan budi bicara sepenuhnya dan mengkaji dengan lebih mendalam mengenai kesulitan yang dihadapi oleh konglomerat tersebut dengan lebih cepat. Kami berazam untuk melaraskan semula BHB sepertimana objektif pelaksanaan penswastan ini.”

## UNTUK EDARAN SEGERA

LTAT mengambil peluang ini untuk merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pemegang saham BHB, khususnya pemegang saham minoriti di atas penerimaan kepada tawaran pengambilalihan serta kepada penasihat, pengawal selia dan juga Kerajaan atas sokongan dan kepercayaan yang telah diberikan.

BHB, yang telah disenaraikan di Bursa Malaysia pada tahun 1961, mempunyai sejarah yang panjang sejak hampir 200 tahun yang lalu. Sejak penyenaaraiannya, ia telah berkembang kepada sektor utama dalam ekonomi Malaysia termasuk Perladangan, Hartanah & Perindustrian, Farmaseutikal, Industri Berat serta Perdagangan, Kewangan & Pelaburan.

### LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA (LTAT)

#### **Mengenai LTAT**

Ditubuhkan pada bulan Ogos 1972 di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (juga dikenali sebagai Akta 101), LTAT merupakan sebuah institusi badan berkanun yang menyediakan kemudahan Skim Simpanan Persaraan kepada para Pegawai dan anggota lain-lain pangkat Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta pesara tentera. Terbaru, Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 telah diumumkan pindaannya pada 1 November 2022.

Sehingga kini, LTAT mempunyai seramai 110,792 pencarum ATM, dengan 110,792 pencarum yang aktif. Di bawah skim LTAT, pencarum wajib dikehendaki mencarum 10% daripada gaji bulanan dan Kerajaan akan mencarum sebanyak 15% sebagai majikan kepada LTAT.

LTAT menguruskan RM10.3 bilion Aset Di bawah Pengurusan setakat 31 Disember 2022 dengan pengisytiharan dividen sebanyak 5% kepada pencarum pada tahun 2022, selepas pembayaran tahun sebelumnya sebanyak 4.1% pada tahun 2021, 3.5% pada tahun 2020, 2.5% pada tahun 2019 dan 2% pada tahun 2018.

#### **PERHUBUNGAN MEDIA:**

**Izzat Alhadjri**

**Pengarah dan Ketua Jabatan Komunikasi**

E-mel : [izzat.alhadjri@ltat.gov.my](mailto:izzat.alhadjri@ltat.gov.my)

No. Tel : +60192180792

Laman web : [www.ltat.gov.my](http://www.ltat.gov.my)